

02/01/2003

BN tentukan nasib Adun MCA Selasa

KUALA LUMPUR, Rabu - Nasib dua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pulau Pinang mewakili MCA yang digantung keahlian tanpa had masa oleh parti itu akan ditentukan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) 7 Januari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata isu dua Adun, Lim Boo Chang (Datuk Keramat) dan Tan Cheng Liang (Jawi), adalah antara perkara yang akan dibincangkan pada mesyuarat Selasa depan selain hal-hal lain membabitkan kepentingan BN.

"Antara lain kita akan membincangkan mengenai isu dua Adun ini dan perkembangan terkini berhubung tuntutan bertindih Malaysia dan Singapura terhadap Pulau Batu Putih.

"Saya akan membangkitkan isu berhubung dua Adun itu pada mesyuarat BN minggu depan supaya satu keputusan mengenai masa depan kedua-dua mereka dapat ditentukan," katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri majlis rumah terbuka tahun baru 2003 anjuran Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) di sini hari ini.

Tan dan Lim dikenakan tindakan itu oleh MCA kerana mengambil sikap berkecuali daripada mengundi ke atas usul DAP di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 21 November lalu bagi menangguhkan projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) bernilai RM1.02 bilion sehingga siapnya projek Expressway Jelutong berharga RM400 juta.

Sehubungan itu, pada 17 Disember berikutnya, cadangan Lembaga Disiplin MCA dianggotai lima tokoh veteran MCA yang dipengerusikan Datuk Kam Woon Wah supaya Tan dan Lim digantung tanpa had masa diterima sebulat suara oleh Majlis Presiden MCA.

Sementara itu, Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat, berkata mesyuarat BN Selasa depan akan membincangkan sama ada hukuman yang dikenakan MCA terhadap dua Adun itu memadai atau tidak.

"Walaupun MCA sudah menjatuhkan hukuman terhadap mereka berdua, BN masih perlu mengkaji kes berkenaan bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang di masa depan, sekali gus memastikan kesinambungan kekuatan BN tidak terganggu.

"MCA perlu mendedahkan apa sebenarnya yang berlaku, termasuk menjelaskan maksud 'penggantungan keahlian tanpa had masa', terhadap dua Adun terbabit. Mereka adalah Adun BN, bukan sekadar mewakili MCA saja dan BN mempunyai hak menentukan hukuman terhadap mereka.

"Mesyuarat minggu depan juga akan membincangkan mengenai keperluan meminda perlembagaan BN untuk memberikan lebih kuasa bagi bertindak dalam isu membabitkan salah laku Adun mewakili parti komponen," katanya ketika ditemui pemberita pada majlis yang sama.

Jelas beliau, pindaan itu dirasakan perlu kerana buat masa sekarang, hanya parti komponen yang diwakili Adun terbabit saja berhak mengambil tindakan terhadap mereka dan BN sendiri tidak mempunyai kuasa mencampuri urusan itu.

Selain itu, kata Mohamed, pindaan juga akan dibuat bagi menghentikan amalan bertukar parti di kalangan parti komponen bagi memastikan tidak wujud kerenggangan hubungan di kalangan komponen dalam BN.

Ujar beliau, kali terakhir perlembagaan BN dipinda ialah pada tahun 1974 dan keadaan sekarang amat berbeza di mana masalah yang dihadapi memerlukan pendekatan berlainan untuk diselesaikan.

Dalam perkembangan berkaitan, kata Mohamad, mesyuarat BN itu juga akan

membincangkan permohonan Parti Demokratik Maju Sarawak (SPDP), parti serpihan Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) yang kini sudah dibubarkan.

Snap sebelum ini adalah anggota komponen BN sehingga pendaftarannya dibatalkan oleh Pendaftaran Pertubuhan (ROS) pada 5 November lalu berikutan masalah kepemimpinan parti itu.

Kata Mohamed, Dewan Tertinggi BN masih perlu membuat keputusan sama ada menerima atau tidak permohonan SPDP walaupun BN Sarawak sudah menerima permohonan mereka menyertai komponen BN.